Hew Soon Tai dan lain lain (plaintif-plaintif kedua dan ketiga adalah budak-budak dibawah umur yang menuntut melalui ibu yang sah Hew Soon Tai) lwn Hong Leong Assurance Bhd

MAHKAMAH TINGGI (KUALA LUMPUR) — GUAMAN NO S2-22–1096 TAHUN 2008
KAMALUDIN MD SAID PK
9 MEI 2014

Insurans — Insurans nyawa — Tanggungjawab pendedahan — Si mati memegang polisi insurans nyawa — Si mati mati ditembak oleh polis semasa melawan penangkapan sah oleh polis — Tuntutan oleh keluarga di bawah polisi — Sama ada syarikat insurans boleh menafi pembayaran — Sama ada terdapat kegagalan membuat pendedahan rekod jenayah lampau si mati — Sama ada terdapat perlanggaran prinsip Uberimae Fidei — Sama ada sidiinsurans mesti membuat pendedahan fakta tidak material yang tidak ditanya — Sama ada pembayaran di bawah polisi insurans nyawa si mati akan bertentangan dengan polisi awam — Akta Insurans 1963 s 150

Melalui perjanjian-perjanjian insurans antara Sum Wing Chang ('Sum') dengan defendan, defendan telah bersetuju untuk memberikan perlindungan insurans am nyawa bagi faedah plaintif-plaintif jika dan apabila berlaku kematian kepada Sum ('polisi-polisi insurans tersebut'). Sum telah meninggal dunia pada 27 Disember 2002. Semasa Sum meninggal dunia kesemua polisi-polisi insurans tersebut adalah masih sah dan berkuat kuasa. Plaintif-plaintif telah mengemukakan tuntutan insurans kepada defendan menurut polisi-polisi insurans tetapi defendan enggan membuat sebarang pembayaran di bawah polisi-polisi insurans tersebut atas alasan tiada pendedahan (*non-disclosure*) rekod jenayah berkenaan sabitan dan hukuman lampau Sum dan ini melayakkan defendan untuk mengelak polisi-polisi tersebut. Defendan telah membatalkan polisi insurans tersebut atas dasar polisi awam kononnya atas alasan bahawa Sum adalah ahli kumpulan penjenayah M16 yang telah ditembak mati oleh pihak polis dalam satu 'shoot out' apabila beliau cuba untuk melawan penangkapan sah oleh pihak polis. Defendan mendakwa bahawa Sum tidak mendedahkan kepada defendan mengenai rekod jenayah lampaunya semasa mengisi borang-borang cadangan polisi-polisi tersebut. Plaintif-plaintif menafikan dakwaan bahawa terdapat perlanggaran prinsip *Uberimae Fidei* atau niat suci hati dan/atau s 150(1) Akta Insurans 1956 ('Akta tersebut') dalam borang cadangan polisi-polisi tersebut. Plaintif-plaintif dalam tindakan ini menuntut terhadap defendan, antara lain, perisytiharan bahawa polisi-polisi tersebut masih terpakai dan berkuat kuasa serta bayaran di bawah salah satu polisi tersebut. Plaintif-plaintif juga

menuntut satu perisytiharan bahawa premium-premium bagi polisi-polisi insurans yang selebihnya diabaikan ('waived') sehingga tarikh matangnya. A

Diputuskan, membenarkan sebahagian tuntutan plaintif-plaintif:

(1) Kegagalan Sum untuk mendedahkan rekod jenayah lampaunya tidak bertentangan dengan s 150(1) Akta tersebut. Seksyen 150(1) Akta tersebut hanya menghendaki pendedahan sesuatu perkara yang diketahui relevan kepada pihak insurans, supaya pihak insurans boleh membuat keputusan sama ada ingin mengambil risiko atau tidak berdasarkan perkara yang didedahkan. Sama ada sesuatu perkara yang perlu didedahkan itu relevan, hanya boleh dilihat kepada soalan-soalan yang ditanya oleh agen insurans kepada pencadang. Walaupun Sum mempunyai rekod jenayah lampau, ini bukan bermakna dia tahu bahawa fakta berkenaan rekod jenayah itu relevan kepada pihak insurans jika dia tidak ditanya oleh pihak insurans dalam soalan-soalan dalam borang cadangan (lihat perenggan 92–94). B C D

(2) Tanggungjawab di bawah s 150(1) Akta tersebut adalah mengenai pendedahan perkara-perkara yang penting (material). Rekod jenayah Sum adalah tidak penting kepada pihak insurans pada masa cadangan pembelian polisi-polisi dikemukakan (lihat perenggan 99). E

(3) Berkenaan polisi insurans yang dibeli oleh plaintif pertama atas namanya untuk perlindungan nyawanya sendiri, 'Life Assured' adalah Hew Soon Tai. Sum dalam polisi ini merupakan 'Second life Assured'. Syarat 'Governing Death Benefif' di klausa H cuma terpakai kepada 'Life Assured'. Memandangkan Hew Soon Tai masih hidup maka polisi tersebut masih berkuat kuasa dan tidak terbatal. Oleh itu hal pembayaran faedah di bawah polisi tersebut tidak menjadi isu (lihat perenggan 119 & 122). F G

(4) Berkenaan klausa mengenai 'waiver rider of spouse premium', syarat 'Governing Death Benefit' di Klausa H cuma mengatakan 'Death of the Life Assured' dan tidak mengatakan 'Death of the Second life Assured'. Oleh kerana kematian Sum sebagai 'the Spouse of the Life Assured and who has been named as such in the Policy Schedule' telah dibuktikan sebagai mati ditembak oleh pihak polis dan kematiannya bertentangan dengan polisi awam, maka faedah 'waiver rider of spouse premium' tidak terpakai kepada 'Life Assured', Hew Soon Tai. Faedah kematian 'Death Benefit' berupa pengecualian bayaran premium tidak boleh diberikan kepada Hew Soon Tai kerana akan bertentangan dengan polisi awam (lihat perenggan 123–127). H I

(5) Berkenaan polisi-polisi yang melindungi nyawa kedua-dua anak Sum, memandangkan kedua-dua kanak-kanak itu masih hidup, wang perlindungan di bawah polisi-polisi tersebut tidak boleh dibayar kerana

bayaran hanya boleh dibuat setelah mereka mati. Dalam polisi-polisi ini, Sum sebagai pemilik polisi, hanya boleh membuat tuntutan bagi jumlah yang dilindungi jika mana-mana anaknya yang mana nyawa mereka diinsuranskan mati atau oleh estetnya (lihat perenggan 136).

(6) Kematian kerana melawan penangkapan sah oleh polis dalam kejadian berbalas tembak 'shoot-out' boleh juga ditakrifkan sebagai kematian dalam proses undang-undang. Sum telah mati atas tindakannya sendiri yang bertentangan dengan polisi awam oleh itu, apa-apa pemberian faedah di bawah polisi kepadanya atau pentadbir harta/estetnya adalah bertentangan dengan polisi awam (lihat perenggan 138).

(7) Dalam salah satu polisi, yang dibeli oleh Sum untuk melindungi dirinya, penamaan plaintif pertama telah mewujudkan satu amanah yang memihak kepada plaintif pertama. Di bawah amanah yang diwujudkan, dalam kes ini, tuntutan plaintif akan gagal atas alasan s 166(1) Akta tersebut secara nyata memperuntukkan bahawa amanah yang diwujudkan dengan menamakan isteri sebagai pemegang amanah, bayaran wang polisi adalah berbayar selepas kematian pemilik polisi. Jika tiada wang boleh dibayar ke atas kematian Sum, maka tiada wang boleh dibayar kepada orang yang dinamakan (lihat perenggan 147, 149 & 152).

(8) Plaintif pertama adalah isteri kepada Sum dan adalah waris kepada harta/estet Sum. Oleh itu, prinsip dalam kes *Beresford v Royal Insurance Co Ltd* [1938] AC 586 berhubung polisi awam terpakai dan jika apa-apa bayaran dibuat untuk memberi faedah kepada estet pelaku jenayah hasil daripada perlakuan jenayah itu maka, pembayaran tersebut adalah bertentangan dengan polisi awam (lihat perenggan 155).

[English summary

Via insuransce agreement between Sum Wing Chang ('Sum') and the defendant the defendant agreed to offer life coverage insuransce for the benefits of the plaintiffs and in the event Sum dies ('the said insuransce policies'). Sum died on 27 December 2002. When Sum died, all his insuransce policies were valid and in force. The plaintiffs claimed for the insuransce from the defendant under the said insuransce policies but the defendant refused to make any payment under the said policies on the ground that there was non-disclosure of criminal records in relation to Sum's past conviction and sentence and this makes the defendant eligible to evade the said policies. The defendant revoked the insuransce policy based on public policy that Sum was a member of the criminal gang M16 who was shot dead by the police in a shoot out where he had rebelled against the valid arrest of the police. The defendant claimed that Sum did not reveal to the defendant about his past criminal records when filling in the policy proposal forms. The plaintiff denied that there was breach of the uberimae fidei or good faith and/or s 150(1) of the Insurance Act 1956

('the said Act') in the proposal policy forms. The plaintiffs in this action claimed against the defendant, inter alia, for the declaration that the policies were still applicable and in force and for the payments under one of the policies. The plaintiffs also claimed for a declaration that the premiums for the remaining insuransce policies were waived until its due date.

Held, allowing the plaintiffs' claim in part:

(1) Sum's failure to reveal his past criminal records was not in contravention with s 150(1) of the Act. Section 150(1) of the Act only requires disclosure of matters known to be relevant to the insurer, for the insurer to determine whether to take risk or not based on the disclosure. Whether the matter that must be revealed was relevant, could only be seen based on the questions asked by the insuransce agent to the proposer. Even though Sum had a past criminal record, this did not mean that the fact relating to the criminal record was relevant to the insurer if he was not asked by the insurer through the questions in the proposal form (see paras 92–94).

(2) The responsibility under s 150(1) of the Act was in relation to disclosure of material matters. Sum's criminal records were not material to the insurer when the proposal for the purchase of policies were made (see para).

(3) The insuransce policies made under the plaintiff's name for the coverage his own life, 'Life Assured' was Hew Soon Tai. The sum in this policy was a 'Second Life Assured'. The 'Governing Death Benefit' under cl H was only applicable to 'Life Assured'. Since Hew Soon Tai was alive, insuransce policy was in force and not revoked. Hence, the matter of interest payment under the policy was not an issue (see paras 119 & 122).

(4) In relation to the clause saying 'Waiver Rider of spouse premium, the term 'Governing Death Benefit' under cl H stipulated 'Death of the Life Assured' and did not mention 'Death of the Second Life Assured'. As Sum's death as 'the spouse of the life assured and who had been named as such in the policy schedule' was proven as being shot by the police and his death was in contravention with public policy, the benefit of the 'waiver rider of spouse premium' was not applicable to the 'Life Assured', Hew Soon Tai. The benefit of the 'Death benefit' was the exception of the premium payment could not be given to Hew Soon Tau as it would be in contravention with public policy (see paras 123–127).

(5) In relation to the policies covering both Sum's children, since the children were still alive, the coverage monies under the policies could not be paid as they could only be paid when they died. In the policies, Sum a the policy owner, could only make a claim for the amount covered if any of the children whose life was insured dies or by its estate (see para 136).

(6) Death due to rebelling against the valid arrest by the police in a shooting out incident could also be mean death in the process of law. Sum had died on his own actions, which was against public policy and hence, any benefits given under the policy to him or his property/estate administratrix was against public policy (see para 138).

(7) In one of the policies bought by Sum to cover himself, the nomination of the first plaintiff created a trust in favour of the first plaintiff. Under the trust formed in this case, the plaintiff's claim would fail on the ground that s 166(1) of the Act expressly stated that the trust was created by nominating the wife as the trustee, the policy money was payable after the death of the policy owner. If no money was payable upon Sum's death, then there was no money for the nominee (see paras 147, 149 & 152).

(8) The first plaintiff was Sum's wife and was the beneficiary to Sum's property/estate. Hence, the principle in *Beresford v Royal Insurance Co Ltd* in relation to public policy was applicable and if any payment was made to benefit the criminal offender as a result of the commission of the crime, the payment was against public policy (see para 155).]

Nota-nota

Untuk kes-kes mengenai tanggungjawab pendedahan, lihat 8(1) *Mallal's Digest* (4th Ed, 2013 Reissue) perenggan 211–216.

Kes-kes yang dirujuk

Amanah Raya Bhd (Suing as Administrator of the Estate of Devia Nathan s/o Savarimuthu, deceased) v Jerneh Insurance Sdn Bhd (formerly known as Jerneh Insurance Corp Sdn Bhd) [2005] 4 MLJ 1; [2005] 2 CLJ 393, MR (dirujuk)

Beresford v Royal Insurance Co Ltd [1938] AC 586 (diikut)

Jason v Batten 1930 Ltd; Jason v British Traders' Insurance Company Ltd [1969] 1 QB 281 (dirujuk)

Malaysia National Insurance Sdn Bhd v Abdul Aziz bin Mohamed Daud [1979] 2 MLJ 29; [1978] 1 LNS 117, MP (dirujuk)

'Melanie' United Oriental Assurance Sdn Bhd Kuantan, The v WM Mazzarol [1984] 1 MLJ 260, MP (dirujuk)

New India Assurance Co Ltd v Yeo Beng Chow [1972] 1 MLJ 231,PC (dirujuk)

PGC Golf Management Sdn Bhd v Sarawak Stadium Corporation [2006] 7 MLJ 104; [2006] 7 CLJ 195, MT (dirujuk)

Polygram Records Sdn Bhd v The Search & Anor [1994] 3 MLJ 127, MT (dirujuk)

Tan Jing Jeong v Allianz Life Assurance Malaysia Bhd & Anor [2012] 7 MLJ 179; [2011] 4 CLJ 710, MT (dirujuk)

Toh Kim Lian & Anor v Asia Insurance Co Ltd [1996] 1 MLJ 149, MT (dirujuk)

Undang-undang yang dirujuk

Perlembagaan Persekutuan
Akta Kontrak 1965 s 38
Akta Insurans 1996 ss 150(1), (3), 166 (1)

Jasbeer (Devi dan Pathmindar Kaur bersama-sama beliau) (Jasbeer, Nur & Lee) bagi pihak plaintif-plaintif.
Christofher Foo (Raja Darryl & Loh) bagi pihak defendan.

Kamaludin Md Said PK:

PENDAHULUAN

[1] Perbicaraan penuh untuk kes ini telah dijalankan pada 24 Mac 2013, 23 April 2013, 21 November 2013, 28 Februari 2014, 7 Mac 2014 dan 19 Mac 2014.

DOKUMEN

[2] Ikatan dokumen yang telah dirujuk dan ditandakan perbicaraan penuh adalah seperti berikut:

(a.)	Ikatan pliding	— A
(b.)	Ikatan dokumen bersama (Bahagian A)	— B1
(c.)	Ikatan dokumen bersama (Bahagian B)	— B2
(d.)	Ikatan dokumen bersama (Bahagian (C)	— B3
(e.)	Ikatan dokumen bersama tambahan (Bahagian C)	— B4
(f.)	Ikatan dokumen bersaman tambahan (Bahagian C)	— B5
(g.)	Ikatan dokumen bersaman tambahan (Bahagian A)	— B6
(h.)	Ikatan dokumen bersama tambahan (Bahagian C)	— B7

SENARAI SAKSI

[3] Saksi berikut telah dipanggil bagi kedua-dua pihak:

Saksi plaintif

(a) Hew Soon Tai	—	PW1
(b) Chai Tai Choon	—	PW2

Saksi Defendan

(a) Wong Chia Peng	—	DW1
(b) Javial s/o Thomas	—	DW2
(c) Lee Sen Tuck	—	DW3

A
(d) Sharifuddin — DW4
(e) Gamal Nasir bin Mohd Ali — DW5
(f) Mohd Azri — DW6
(g) Tuan Zaba bin Abd Rahim — DW7

B
TUNTUTAN PLAINTIF

[4] Melalui perjanjian-perjanjian insurans di antara Sum Wing Chang (si mati) dengan defendan, defendan telah bersetuju untuk memberikan perlindungan insurans am nyawa bagi faedah ('benefit') plaintif-plaintif jika dan apabila berlaku kematian kepada Sum Wing Chang (si mati) atas jumlah keseluruhan yang dilindungi ('total sum covered') sebanyak RM800,000 dibawah polisi-polisi insurans tersebut.

C

D
[5] Perlindungan insurans yang diberikan oleh defendan kepada Sum Wing Chang (si mati) untuk faedah plaintif-plaintif adalah di bawah polisi-polisi insurans No IL/2002/031959/4, IL/2002/031960/5, IL/2002/031022/5, IL/2002/030672/5, IL2002/031961/6 dan IL/2002/030671/4 ('polisi-polisi insurans tersebut').

E
[6] Sum Wing Chang telah meninggal dunia pada 27 Disember 2002. Semasa Sum Wing Chang meninggal dunia kesemua polisi-polisi insurans tersebut adalah masih sah dan berkuat kuasa.

F
[7] Plaintif-plaintif telah mengemukakan tuntutan insurans kepada defendan menurut polisi-polisi insurans namun demikian defendan enggan membuat sebarang pembayaran di bawah polisi-polisi insurans tersebut kepada plaintif-plaintif yang diperuntukkan bagi polisi-polisi insurans tersebut.

G
[8] Plaintif-plaintif menuntut terhadap defendan perintah seperti berikut:

(a) satu perisytiharan bahawa polisi-polisi IL/2002/031959/4, IL/2002/031960/5, IL/2002/031022/5, IL/2002/030672/5, IL2002/031961/6 dan IL/2002/030671/4 masih terpakai dan berkuat kuasa;

H

(b) jumlah RM300,000 dibawah polisi insurans polisi No IL/2002031959/4 dibayar kepada plaintif pertama;

I
(c) satu perisytiharan bahawa premium-premium bagi polisi-polisi insurans IL/2002/031960/5, IL/2002/031022/5, IL/2002/030672/5, IL2002/031961/6 dan IL/2002/030671/4 diabaikan ('waived') sehingga tarikh matangnya dan bahawa plaintif-plaintif berhak untuk menuntut mengikut terma-terma polisi-polisi tersebut;

(d) secara alternatif, sejumlah wang sebanyak RM500,000 dibayar kepada plaintif-plaintif bagi polisi-polisi insurans IL/2002/031960/5, IL/2002/031022/5, IL/2002/030672/5, IL2002/031961/6 dan IL/2002/030671/4;

(e) faedah pada kadar 8% setahun ke atas jumlah RM608,291, RM300,000 dari tarikh penghakiman hingga ke tarikh penyelesaian penuh;

(f) faedah pada kadar 8% setahun ke atas jumlah RM500,000 dari tarikh penghakiman hingga ke tarikh penyelesaian penuh;

(g) apa-apa faedah ('benefit') lain yang patut dan wajar dibayar di bawah polisi-polisi insurans tersebut;

(h) kos atas dasar indemniti; dan

(i) apa-apa relief, perintah, arahan, siasatan dan akaun lain yang mahkamah yang mulia ini fikir patut dan wajar diberikan.

PEMBELAAN DEFENDAN

[9] Defendan mengakui Sum Wing Chang (si mati) telah membeli polisi-polisi perlindungan insurans am nyawa daripada defendan.

[10] Sum Wing Chang telah meninggal dunia pada 27 Disember 2002 dan semasa Sum Sum Wing Chang meninggal dunia, kesemua polisi-polisi insurans tersebut masih sah dan berkuat kuasa.

[11] Tiada wang dibayar atas kematian Sum Wing Chang di bawah mana-mana atau kesemua polisi-polisi insurans tersebut.

[12] Defendan dalam kes ini mengemukakan dua pembelaan mengapa tiada sebarang pembayaran di bawah polisi-polisi insurans tersebut dibuat kepada plaintif-plaintif:

(a) tiada pendedahan (*non-disclosure*) rekod jenayah berkenaan sabitan dan hukuman lampau Sum Wing Chang, dengan itu melayakkan defendan untuk mengelak polisi-polisi tersebut (perenggan 9A dan seterusnya di ms 37 Ikatan Dokumen A); dan

(b) pembelaan polisi awam (*public policy*), (perenggan 8 seterusnya di ms 32 Ikatan Dokumen A).

ISU-ISU YANG PERLU DIBICARAKAN

[13] Isu-isu yang perlu dibicarakan dalam kes ini adalah seperti berikut:

(a) sama ada plaintif-plaintif berhak untuk menuntut sebarang faedah atau sejumlah wang bagi polisi-polisi insurans No IL2002030672-5, No IL2002030671-4, No IL2002031960-5, No IL2002031961-6, No IL2002031022-5 dan No IL2002031959-4?;

(b) sama ada punca kematian si mati adalah termasuk dan/atau terjatuh di bawah klausa pengecualian polisi insurans tersebut;

(c) sama ada pembayaran polisi-polisi yang perlu dibuat atau pemberian apa-apa faedah kepada plaintif-plaintif mengikut peruntukkan polisi-polisi insurans tersebut akan bertentangan dengan polisi awam atau terjumlah kepada tidak bermoral?; dan

(d) sama ada terdapat perlanggaran prinsip *ubirrimae fidei* atau niat suci hati dan/atau s 150(1) Akta Insurans 1996 dalam borang cadangan polisi-polisi tersebut.

HUJAHAN PLAINTIF-PLAINTIF

[14] Plaintif-plaintif berhujah bahawa pembayaran polisi-polisi yang perlu dibuat atau pemberian apa-apa faedah kepada plaintif-plaintif mengikut peruntukan polisi-polisi insurans tersebut tidak bertentangan dengan polisi awam atau terjumlah kepada tidak bermoral seperti pembelaan defendan.

[15] Bagi tujuan hujahan, rujukan akan dibuat terhadap polisi Excel Cash Sum Yei Fei memandangkan klausa-klausa dan prinsip yang sama terpakai bagi polisi-polisi yang lain juga.

Polisi Insurans No- IL2002031961-6 (Excel Cash Sum Yew Fei)

[16] Polisi telah ditandakan sebagai eksh P10 telah dikeluarkan oleh defendan pada tahun 2002. Pemunya Polisi ini adalah Sum Wing Chang manakala plaintif ketiga iaitu Sum Yew Fei adalah 'Life Assured'.

[17] Melalui polisi insurans ini defendan telah bersetuju untuk memberikan perlindungan insurans bagi faedah Sum Yei Fei iaitu plaintif ketiga.

[18] Plaintif-plaintif menghujahkan bahawa memandangkan defendan telah bersetuju memberikan perlindungan insurans bagi faedah Sum Yei Fei iaitu plaintif ketiga dan Sum Wing Chang telah pun membuat pembayaran yang sewajarnya (eksh P9) maka peruntukan s 38 Akta Kontrak 1950, terpakai di mana pihak-pihak adalah berobligasi untuk melaksanakan perjanjian seperti mana yang dipersetujui.

[19] Seksyen 38 Akta Kontrak 1965 memperuntukkan:

Obligation of parties to contracts

(1) The parties to a contract must either perform, of offer to perform, their respective promises, unless the performance is dispensed with or excused under this Act, or of any other law.

[20] Plaintif-plaintif merujuk kepada kes *Polygram Records Sdn Bhd v The Search & Anor* [1994] 3 MLJ 127 di mana hakim di dalam kes ini telah memutuskan bahawa:

A party who signs a written contract is bound by the terms of thecontract, except in the limited cases where fraud, undue influence or misrepresentation may be established. Therefore, the argument by the group that the first contract was not binding on them since they did not agree to the terms could be dismissed summarily.

(Lihat juga kes *PGC Golf Management Sdn Bhd v Sarawak Stadium Corporation* [2006] 7 MLJ 104; [2006] 7 CLJ 195)

[21] Dihujahkan bahawa walaupun plaintif pertama telah menghantar borang tuntutan untuk polisi ini (eksh D22), pihak defendan tidak membuat sebarang bayaran ke atas polisi insurans. Ini menunjukkan bahawa plaintif-plaintif telah menunaikan tanggungjawab mereka mengikut perjanjian polisi insurans Excel Cash Sum Yei Fei tersebut.

[22] Defendan telah membatalkan polisi insurans ini atas dasar polisi awam kononnya atas alasan bahawa Sum Wing Chang adalah kononnya merupakan ahli kumpulan M16 yang merupakan kumpulan penjenayah dan telah ditembak mati oleh pihak polis pada 27 Disember 2002 dalam satu 'shoot out' apabila beliau cuba untuk melawan penangkapan sah oleh pihak polis.

Polisi awam

[23] Plaintif-plaintif berhujah bahawa dakwaan defendan menolak tuntutan bayaran faedah untuk polisi-polisi tersebut, atas dasar polisi awam, adalah tidak sah dan bertentang dengan prinsip undang-undang.

[24] Plaintif-plaintif berhujah bahawa mereka telah membuat tuntutan sewajarnya terhadap defendan pada 18 Mac 2004 (eksh D 22).

[25] Plaintif-plaintif berhujah bahawa keterangan PW1 bahawa Sum Wing Chang telah ditembak mati oleh polis secara salah hendaklah diterima kerana PW1, plaintif pertama telah memberi keterangan bahawa Sum Wing Chang

telah diculik pada 26 Disember 2002 di mana satu laporan polis juga telah dibuat pada 26 Disember 2002 (ekshs 8A dan 8B) dan (soalan dan jawapan No 12–22 penyata saksi WSDW1).

[26] Keterangan ini disokong oleh PW2 iaitu ibu kepada PW1 yang juga telah memberi keterangan bahawa ahli-ahli keluarganya termasuk anak-anaknya telah mula hilang satu demi satu. PW2 juga telah membuat laporan polis pada 28 November 2002 dan 2 Disember 2002 (ekshs P17 dan P21).

[27] Plaintif-plaintif mengatakan bahawa walaupun laporan-laporan polis tersebut dibuat, namun pihak polis tidak mengambil sebarang tindakan untuk menyiasat.

[28] PW1 dalam keterangannya mengatakan bahawa beliau pula diberi amaran supaya tidak mendedahkan sebarang maklumat mengenai kes kematian Sum Wing Chang dan jika gagal keselamatan diri dan keluarganya akan terjejas.

[29] Plaintif-plaintif berhujah bahawa defendan telah gagal menyangkal kenyataan-kenyataan saksi-saksi plaintif-plaintif di atas. Oleh itu plaintif-plaintif berhujah bahawa plaintif-plaintif telah berjaya menunjukkan bahawa Sum Wing Chang telah diculik pada 26 Disember 2002 dan kematian Sum Wing Chang adalah bukan seperti yang didakwa oleh defendan. Malah, Sum Wing Chang telah ditembak mati secara salah oleh pihak polis.

[30] Plaintiff-plaintif berhujah bahawa keterangan DW7 yang merupakan seorang pegawai penyiasat di dalam kes ini, tidak mempunyai pengetahuan mengenai siasatan yang dijalankan ke atas kes 'shoot-out' tersebut, tidak mempunyai pengetahuan mengenai keputusan penyiasatan kes tersebut dan bukan merupakan seorang saksi yang boleh dipercayai memandangkan DW7 tidak mempunyai pengetahuan mengenai peristiwa tembak-menembak tersebut.

[31] Mengikut plaintif-plaintif, keterangan-keterangan DW4, DW5 serta DW6 yang merupakan wartawan-wartawan dari akhbar tempatan juga tidak mengikat memandangkan DW4, DW5 dan DW6 tidak mempunyai pengetahuan peribadi mengenai keesahan kenyataan yang dipaparkan di dalam ekshibit-ekshibit tersebut. Oleh itu adalah tidak memadai untuk bergantung kepada keratan-keratan akhbar semata-mata untuk menyabit kesalahan terhadap Sum Wing Chang memandangkan terdapat percanggahan fakta seperti yang dinyatakan di atas.

[32] Plaintif-plaintif berhujah kenyataan plaintif-plaintif bahawa Sum Wing

Chang telah ditembak mati secara salah oleh polis adalah terbukti. Oleh itu penolakan tuntutan-tuntutan polisi insurans plaintif-plaintif atas dasar polisi awam adalah tidak sah dan tidak boleh bertahan di sisi undang-undang.

[33] Plaintif juga menghujahkan bahawa kematian Sum Wing Chang pada 27 Disember 2002 dalam satu 'shoot out' disebabkan beliau cuba untuk melawan penangkapan sah oleh pihak polis adalah tidak benar.

[34] Plaintif-plaintif berhujah bahawa pihak defendan masih tidak boleh membatalkan polisi-polisi Excel Cash Sum Yei Fei, Excel Cash Sum Jhee Yan, Life Cash Sum Yei Fei, Life Cash Sum Jhee Yan dan Excell Cash Hew Soon Tai.

[35] Plaintif-plaintif merujuk kepada klausa 1A polisi Excel Cash Sum Yew Fei sebagaimana berikut:

> 1A Death Benefit
>
> Should the Payor prior to the expiry of the Supplementary Insurance die, the Company shall provide the following benefits:
>
> (i) The premiums payable under the basic Policy and this Supplementary Insurance shall be waived until the expiry of this Supplementary Insurance. The First Premium to be so waived shall be the one falling due immediately after the date of death of the Payor.
>
> (ii) *Death of Payor by suicide, sane or insane or by hands of justice within twelve (12) months from the date of the issuance or any reinstatement of this Supplementary Insurance, whichever is later, shall render this Supplementary null and void.* (Penekanan ditambah.)

[36] Pada pandangan plaintif-plaintif, klausa tersebut bermaksud sekiranya Sum Wing Chang telah meninggal dunia akibat telah ditembak mati oleh pihak polis pada 27 Disember 2002 kononnya dalam satu 'shoot out' apabila beliau cuba untuk mengelak penangkapan sah oleh pihak polis (yang mana dinafikan), hanya *supplementary* insurans yang terbatal. Ini bermaksud 'Life Assured' tidak boleh menikmati faedah di bawah *rider* tersebut.

[37] Plaintif-plaintif juga merujuk kepada klausa 2 Seksyen C polisi Excel Cash Sum Yew Fei:

> Section C: Conditions Governing Death Benefit.
>
> Suicide
>
> Death of the Life Assured by suicide while sane or insane, by dueling, by resisting lawful arrest by a lawful authority, or by due process of law, within twelve (12) months of the Issue Date or any reinstatement date of the Policy, shall render the policy void.

[38] Pada pandangan plaintif-plaintif polisi ini hanya terbatal sekiranya 'Life Assured' telah meninggal dunia akibat perlakuan jenayah dan sebagainya yang dilakukan oleh Sum Wing Chang sendiri sahaja.

[39] Oleh itu pihak defendan seharusnya memberi notifikasi kepada plaintif-plaintif bahawa 'Rider' tidak terpakai dan plaintif-plaintif sepatutnya perlu menyambung bayar premium bagi insurans-insurans tersebut memandangkan plaintif-plaintif telah menghantar borang tuntutan insurans untuk polisi-polisi tersebut pada 18 Mac 2004 (D22). Namun demikian defendan telah gagal memberi notifikasi tersebut sebaliknya defendan telah secara tidak sah membatalkan polisi-polisi tersebut dengan begitu sahaja.

[40] Plaintif-plaintif merujuk kepada keterangan DW1 semasa pemeriksaan balas yang telah menyatakan bahawa polisi-polisi insurans bagi Sum Yew Fei, Sum Jhee Yan dan Hew Soon Tai telah terbatal kerana tidak menyambung bayar premium bagi polisi-polisi tersebut. *Perkara ini tidak pernah dikomunikasikan kepada plaintif-plaintif pada bila-bila masa*.

[41] DW1 juga tidak pasti sama ada notifikasi untuk sambung bayar premium dihantar kepada plaintif-plaintif. Malah defendan tidak mengemukakan apa-apa dokumen yang mengkehendakki plaintif-plaintif untuk sambung bayar premium bagi insurans-insurans tersebut.

[42] Plaintif-plaintif berhujah bahawa pihak defendan tidak pernah memberi notifikasi kepada 'Life Assured' iaitu Sum Yew Fei termasuk plaintif-plaintif lain yang menyatakan bahawa klausa 'Rider' tidak terpakai dan 'Life Assured' serta 'Payor' perlu membuat bayaran untuk premium untuk menikmati perkhidmatan/faedah di bawah polisi-polisi tersebut. Memandangkan tiada bukti untuk mematahkan fakta tersebut, maka kenyataan tersebut dianggap sebagai diakui oleh defendan.

[43] Plaintif-plaintif berhujah bahawa defendan telah menolak kesemua tuntutan bagi polisi-polisi tersebut atas dasar polisi awam sahaja pada masa material. Ini diakui oleh DW1 dan bukan atas sebab polisi-polisi tersebut telah luput seperti yang didakwa oleh DW1. Oleh itu plaintif-plaintif berhujah bahawa dakwaan defendan bahawa polisi-polisi tersebut telah luput kerana tiada pembayaran premium adalah satu pemikiran terkemudian dan defendan adalah diestop daripada membangkitkan pembelaan ini pada tahap ini.

[44] Ketiadaan notifikasi sedemikian menyangkal keseluruhan pembelaan di bawah dasar ini. Oleh itu defendan tidak boleh bergantung kepada pembelaan dasar polisi awam dan berhujah bahawa defendan telah secara salah menolak tuntutan-tuntutan plaintif-plaintif tersebut secara salah.

Prinsip uberimae fidei

[45] Plaintif-plaintif menafikan dakwaan bahawa terdapat perlanggaran prinsip *uberimae fidei* atau niat suci hati dan/atau s 150(1) Akta Insurans 1956 dalam borang cadangan polisi-polisi tersebut. Defendan juga mendakwa bahawa Sum Wing Chang tidak mendedahkan kepada defendan mengenai rekod jenayah lampaunya semasa mengisi borang-borang cadangan polisi-polisi tersebut.

[46] Plaintif-plaintif menyatakan bahawa pembelaan ini tidak terpakai memandangkan di dalam 'proposal form' tersebut iaitu di ekshs D23, D24, D25, D26 dan D27 tiada sebarang ruang yang memerlukan Sum Wing Chang membuat pendedahan mengenai rekod jenayah lampaunya. Fakta ini juga diakui oleh DW1 dan DW2 semasa pemeriksaan balas.

[47] Plaintif-plaintif merujuk kes *Tan Jing Jeong v Allianz Life Assurance Malaysia Bhd & Anor* [2012] 7 MLJ 179; [2011] 4 CLJ 710:

> (4) The fact that insuransce contract are in the nature of ubberrima fides had placed the duty of utmost good faith on both parties, with equal force. All parties to an insuransce contract must deal in good faith; make a full declaration of all material facts in the insuransce proposal. Thus the insured must reveal the exact nature and potential of the risks that he transfers to the insurer, while at the same time the insurer must make sure that the potential contract fits the needs of, and benefits, the assured (para 20).

[48] Adalah dihujahkan bahawa memandangkan pihak defendan tidak menyediakan sebarang soalan dan/atau ruang yang menghendakki para pembeli insurans membuat pendedahan mengenai rekod jenayah lampau, ini wajar dianggap bahawa pendedahan mengenai rekod jenayah lampau adalah tidak penting pada masa material.

[49] Jika ianya adalah satu maklumat yang penting dan wajib, sudah pasti butiran dan/atau ruang untuk pendedahan rekod jenayah lampau tersebut sudah pasti disediakan di dalam 'proposal form' tersebut.

[50] Plaintif-plaintif merujuk kes *Tan Mooi Sim & Anor v United Oversea Bank (Malaysia) Bhd & Anor* [2011] 8 MLJ 556:

> (3) The deceased was not well versed in English Language, as such he could not have understood the contents of the MRTA form, and in particular the declaration that he was in good health and in the last five years had not been diagnosed, treated or tested with any chronic illness which, included diabetes. Furthermore, the deceased was not asked whether he had diabetes, in fact, he was merely asked whether he had

any sickness or illness, this was found to be ambigious and lacking specific, applying the contra pfoferentum rule, such ambiguity was resolved in favour of the plaintiffs (paras 43–45).

[51] Mahkamah Tinggi telah memutuskan bahawa pihak syarikat insurans tidak boleh membatalkan insurans, memandangkan kegagalan ejen insurans untuk bertanya secara spefisik, sama ada pembeli insurans tersebut menghidapi penyakit diabetis atau tidak. Mahkamah Tinggi telah menerima pakai prinsip kes Mahkamah Agung, *The Melanie United Oriental Assurance Sdn Bhd Kuantan v WM Mazzarol* [1984] 1 MLJ 260:

Held: (1) the omission by the respondent to state the earlier mishap in the proposal form was not his fault but that of the appellant company themselves for framing ambiguous question. Such ambiguity must be resolved in favour of the respondent.

[52] Oleh itu plaintif-plaintif berhujah bahawa adalah satu pemikiran terkemudian untuk membangkitkan pembelaan ini pada tahap ini. Malah adalah satu perkara yang mustahil dan/atau subjektif untuk orang awam mengetahui apakah yang perlu didedahkan.

[53] Secara alternatifnya, plaintif-plaintif berhujah menurut keterangan PW1 bahawa Sum Wing Chang telah memaklumkan DW3 berkenaan dengan rekod jenayah lampau Sum Wing Chang dan Sum Wing Chang telah bertanya sama ada beliau masih boleh membeli polisi-polisi tersebut. Namun DW3 pada masa material telah menyatakan bahawa ianya tidak menghalang Sum Wing Chang daripada membeli polisi-polisi tersebut selepas mendapat pengesahan daripada defendan.

[54] Dihujahkan bahawa adalah keterangan DW3 sendiri yang mengakui bahawa DW3 yang menulis kenyataan-kenyataan di dalam borang-borang cadangan tersebut. Memandangkan Sum Wing Chang telah memberi maklumat tersebut kepada DW3, maka adalah menjadi tanggungjawab DW3 untuk menulisnya di dalam borang-borang tersebut.

[55] Memandangkan polisi-polisi tersebut kecuali polisi-polisi Excel Cash Sum Wing Chang, polisi-polisi lain telah diambil untuk kepentingan isteri dan anak-anak Sum Wing Chang. Plaintif-plaintif berhujah bahawa pendedahan rekod lampau Sum Wing Chang tersebut adalah tidak material.

[56] Plaintif-plaintif berhujah bahawa plaintif-plaintif telah berjaya membuktikan tuntutannya terhadap defendan manakala defendan gagal mengemukakan apa-apa butir-butir dan bukti-bukti untuk menyokong dakwaan mereka.

[57] Selanjutnya, plaintif-plaintif juga berhujah bahawa pembatalan kesemua polisi tersebut atas dasar polisi awam dan/atau pelanggaran prinsip *uberimae fidei* adalah tidak sah dan tidak bertahan di sisi undang-undang.

HUJAHAN DEFENDAN

[58] Defendan tidak pertikaikan bahawa empat polisi yang diinsuranskan ke atas nyawa anak-anak si mati (polisi pertama, kedua, kelima dan keenam) mempunyai 'Waiver Premium Payor Rider', polisi keempat diinsuranskan atas nyawa plaintif pertama juga mempunyai 'Waiver of Premium Spouse Rider'. 'Riders' ini beroperasi sebagai faedah mengecualikan premium berbayar akan datang untuk polisi-polisi berkenaan sekiranya berlaku kematian Sum Wing Chang yang telah dinamakan sebagai 'Second Life Assured' dalam semua polisi tersebut.

Pendedahan rekod jenayah dan sabitan lampau Sum Wing Chang

[59] Defendan menghujahkan bahawa peguam plaintif pertama dan plaintif pertama (PW1) mengakui bahawa Sum Wing Chang pernah mempunyai rekod penglibatan dalam rompakan bersenjata Bank of Tokyo dan telah dihukum penjara dan sebatan rotan (merujuk kepada pemeriksaan balas PW1, plaintif pertama pada 26 Ogos 2013).

[60] Defendan berpandangan fakta ini tidak perlu dibuktikan lagi oleh defendan.

Adakah DW3 telah dimaklumkan tentang rekod jenayah lampau Sum Wing Chang

[61] Defendan berhujah bahawa persoalan fakta ini perlu diputuskan berdasarkan beban bukti kebarangkalian (*on a balance of probabilities*).

[62] Defendan bergantung kepada keterangan DW3, Lee Sen Tuck, ejen defendan yang berurusan dengan Sum Wing Chang dan plaintif pertama semasa polisi dijual kepada mereka di mana keterangan plaintif pertama (PW1), ialah bahawa mendiang suaminya telah memaklumkan kepada DW3 berkenaan rekod jenayah tersebut (jawapan kepada soalan 89 dalam WSPW1).

[63] Defendan menghujahkan bahawa fakta ini konsisten dengan pliding plaintif-plaintif di mana plaintif-plaintif mendakwa bahawa Sum Wing Chang telah memaklumkan ejen defendan bahawa Sum Wing Chang mempunyai rekod jenayah berhubung rompakan Bank of Tokyo dan telah didapati bersalah dan dihukum penjara dan sebatan rotan (perenggan 8.4 dalam pindaan jawapan kepada pindaan semula pembelaan di ms 43 Ikatan Dokumen A).

[64] Defendan berhujah bahawa dalam hal fakta ini plaintif-plaintif terikat dengan pliding mereka. Maka mengikut defendan, pada peringkat ini rekod jenayah Sum Wing Chang yang dihukum penjara dan sebatan rotan mengikut pliding dan keterangan-keterangan dalam mahkamah ialah Sum Wing Chang telah memaklumkan DW3 akan fakta tersebut.

[65] Defendan berpandangan bahawa plaintif-plaintif tidak memplidkan secara alternatif atau sebaliknya bahawa Sum Wing Chang tidak ditanya tentang rekod jenayah lampau dan sabitan dan/atau bahawa 'proposal forms' defendan tidak mempunyai soalan-soalan tentang sebarang jenayah lampau dan sabitan.

[66] Adalah dihujahkan, walaupun tidak diplidkan sedemikian, namun peguam plaintif-plaintif semasa menyoal balas saksi defendan terutama Javial Thomas (DW2) and Lee Sen Tuck (DW3) telah mengambil pendekatan bahawa Sum Wing Chang telah tidak ditanya tentang rekod jenayah lampau dan sabitan dan bahawa 'proposal forms' defendan tidak mempunyai soalan-soalan berhubung rekod jenayah dan sabitan lampau.

[67] Defendan berhujah bahawa terdapat percanggahan dalam keterangan ini dan dengan itu dihujahkan bahawa plaintif-plaintif sendiri tidak pasti sama ada pendedahan maklumat rekod jenayah dan sabitan lampau telah dibuat oleh Sum Wing Chang.

[68] Dalam hal ini mengikut defendan, keterangan PW1 telah dipatahkan oleh DW3 yang menafikan bahawa Sum Wing Chang telah memaklumkan tentang rekod jenayah dan sabitan lampau tersebut. Defendan merujuk kepada:

(a) jawapan kepada soalan 11 dalam WS-DW3, pernyataan saksi Lee Sen Tuck, ejen defendan;

(b) lampiran 33 dalam fail mahkamah soalan kepada jawapan 15 dan 16 dalam WS-DW3; dan

(c) jawapan-jawapan DW3 semasa soal balas.

[69] Defendan menghujahkan dalam keadaan plaintif-plaintif berkata 'ya' dan defendan berkata 'tidak', maka atas imbangan kebarangkalian keterangan defendan hendaklah diterima atas alasan-alasan berikut:

(a) suatu rekod jenayah (terutama rompakan bersenjata) dan tempoh pemenjaraan dengan sebatan rotan bukanlah perkara-perkara bekas banduan akan secara sukarela mendedahkan atau berkongsi bersama orang lain (terutama dengan seseorang yang dia tidak begitu kenal) sesuatu yang hendak dibangggakan;

(b) tetapi, dalam kes ini, dikatakan Sum Wing Chang secara sukarela memaklumkan DW3, ejen defendan, mengenai rompakan bersenjata Bank of Tokyo dan bagaimana Sum Wing Chang telah didapati bersalah dan dihukum penjara dan sebatan rotan atas jenayah tersebut;

(c) semasa soal balas, PW1 memberitahu mahkamah bahawa dia berjumpa DW3 bersama suaminya hanya sekali di mana semua enam polisi telah dibeli pada waktu yang sama, dan pada hari yang sama juga suaminya memberitahu DW3 tentang jenayah lampaunya (rujuk kepada soal balas PW1 pada 26 Ogos 2013), keterangan PW1 tidak benar kerana:

(i) 'proposal forms' yang dipersetujui dan diakui dan kontrak untuk enam polisi menunjukkan enam polisi itu secara nyata dibeli pada dua masa yang berbeza iaitu pada 24 Ogos 2002 (bagi kes polisi kedua, keempat dan kelima), dan hampir tiga minggu selepas itu pada 12 November 2002 (bagi kes polisi pertama, ketiga dan keenam) (lihat tarikh-tarikh dalam 'proposal forms' bahagian akhir pada setiap polisi dalam Ikatan Dokumen B1); dan

(ii) adalah diplidkan oleh plaintif-plaintif dalam pliding mereka bahawa DW3 datang semula bertemu suaminya 'dua hari kemudian' untuk mengatakan bahawa suaminya boleh membeli polisi-polisi tersebut walaupun ada rekod jenayah (lihat perenggan-perenggan 8.4, 8.5 dan 8.6 pindaan jawapan kepada pindaan pembelaan defendan di ms 43 Ikatan Dokumen A);

(d) keterangan lisan PW1 dalam soal balas bercanggah bukan sahaja dari segi pliding tetapi fakta bahawa keenam-enam polisi telah dibeli pada dua waktu yang berbeza; dan

(e) percanggahan tersebut menunjukkan keterangan plaintif-plaintif bahawa rekod jenayah lampau telah didedahkan oleh Sum Wing Chang adalah rekaan plaintif-plaintif dan fikiran semula 'afterthought' untuk mematahkan pembelaan defendan tentang ketiadaan pendedahan maklumat (non-dislosure).

[70] Defendan berhujah bahawa keterangan DW3 melalui pernyataan saksi (WS-DW3), dan jawapan dalam soal balas dan affidavit (lampiran 33), secara nyata menunjukkan bahawa Sum Wing Chang telah tidak memaklumkan DW3 berkenaan rekod jenayah dan hukuman atas sabitannya.

[71] Kontrak insurans adalah merupakan sebuah kontrak *uberrimae fides* atau suci hati. Defendan merujuk kepada:

> E R Hardy Ivamy, *General Principles of Insurance Law*, (6th Ed), ms 136:
>
> It is a fundamental principle of insuransce law that the utmost good faith

must be observed by each party. This rule was clearly stated by Lord Mansfield as long ago as 1766 ...,

Poh Chu Chai, *Principles of Insurance Law*, (6th Ed), ms 111–112:

> At common law, a person who enters into a contract with another is under no legal obligation to make a voluntary disclosure of information relating to the contract. A duty to disclose material information only arises in contracts which are *uberrimae fides*. A contract of insuransce is one such contract where the parties are under a duty to exercise the utmost good faith ...
>
> The basic assumption the law makes in relation to an insuransce contract is that an insured entering into such a contract is in possession of facts which may influence the decision of a prudent insurer in computing the risk the insurer is requested to undertake. Such information must be disclosed by an insured to enable the insurer to assess the risk to be undertaken. A duty is placed on an insured as a basis of the contract to disclose all material information relating to the risk to be insured. (Penekanan ditambah.)

Poh Chu Chai, *Principles of Insurance Law*, (6th Ed), ms 114:

> It is now generally recognised that the duty to exercise the utmost good faith and to make disclosure of material information applies equally to both an insured and his insurer. In *Banque Financiere v Skandia (UK) Insurance Co Ltd*, Lord Jauncey, in the House of Lords, stated the duty mutually owed by an insured and his insurer as follows:
>
> The duty of disclosure arises because the facts relevant to the estimation of the risk are most likely to be within the knowledge of the insured and the insurer therefore has to rely upon him to disclose matters material to that risk. The duty extends to the insurer as well as to the insured ... The duty is, however, limited to facts which are material to the risk insured, that is to say, facts which would influence a prudent insurer in deciding whether to accept the risk and, if so, upon what terms ... Thus, *any facts which would increase the risk should be disclosed by the insured and any facts known to the insurer but not to the insured, which would reduce the risk, should be disclosed by the insurer*. (Penekanan ditambah.)

[72] Di Malaysia, tanggungjawab mendedahkan maklumat (*disclosure*) di bawah 'common law' telah dikanunkan di bawah statut:

Section 150(1) of the Insurances Act 1996:

> Before a contract of insuransce is entered into, a proposer shall disclose to the licensed insurer a matter that:
>
> (a) he knows to be relevant to the decision of the licensed insurer on whether to accept the risk or not and the rates and terms to be applied; or
>
> (b) a reasonable person in the circumstances could be expected to know to be relevant.

[73] Kegagalan mendedahkan fakta penting dalam 'proposal for a contract of insuransce' membolehkan pihak insurans menolak polisi *ab initio*:

R Hardy Ivamy, *General Principles of Insurance Law*, (6th Ed), ms 174:

> A failure on the part of the assured to disclose a material fact within his actual or imputed knowledge renders the policy voidable at the option of the insurers.

[74] Defendan berhujah bahawa memandangkan terdapat kegagalan mendedahkan fakta berkenaan rekod jenayah lampau dan sabitan Sum Wing Chang, maka defendan berhak menganggap polisi-polisi tersebut sebagai terbatal.

Sum Wing Chang telah ditembak mati oleh pihak polis

[75] Defendan menghujahkan bahawa daripada keterangan-keterangan yang diberikan dalam mahkamah, defendan telah berjaya membuktikan tanpa keraguan yang munasabah (bukan setakat atas imbangan kebarangkalian) bahawa Sum Wing Chang telah ditembak mati oleh pihak polis.

[76] Keterangan plaintif pertama (PW1) bahawa Sum Wing Chang ditembak mati oleh polis 'secara salah' seperti dalam jawapan kepada soalan 10 dalam WS-PW1, dan semasa soal balas pada 26 Ogos 2013 adalah keterangan kosong semata-mata walhal terdapat keterangan yang padu bahawa Sum Wing Chang telah ditembak mati oleh polis dalam 'shoot out'. Defendan bergantung kepada keterangan-keterangan berikut:

(a) tiga ekshibit defendan, eksh D29 melaui DW5, Gamal Nasir daripada *Utusan Malaysia Online* (ms 5–6 Ikatan B4), eksh D30 melalui DW6, Mohd Azlee bin Abdul Aziz daripada *The New Straits Times* (ms 1–2 Ikatan B4), dan eksh D31 juga melalui DW6 (ms 3–4 Ikatan B4), keterangan yang tidak dipatahkan berkenaan 'press conference' yang diadakan oleh Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Bukit Aman, Datuk Salleh bin Mat Som, menghebahkan kematian Sum Wing Chang dalam insiden tembak menembak dengan polis;

(b) keterangan Sharilfuddin Saari (DW4) yang menyatakan bahawa beliau telah menghadiri 'press conference' dan telah melaporkan 'press conference' tersebut dalam artikel bertajuk 'Kumpulan M-16 berkubur aktiviti jenayah berakhir' yang ditulis dan diterbitkan dalam Mingguan Malaysia pada 29 Disember 2002 (eksh D28);

(c) plaintif-plaintif sendiri telah mengekshibitkan laporan akhbar China Press bertarikh 29 Disember 2002 (ekshs P18B and P18C di ms 7–8 Ikatan B5) yang menunjukkan Sum Wing Chang adalah ahli kumpulan

M16 dan bahawa Sum Wing Chang telah ditembak oleh polis dalam satu operasi. Ini adalah ekshibit plaintif-plaintif sendiri; dan

(d) terdapat keterangan yang tidak dipatahkan oleh Pegawai Penyiasat, Superintenden Zaba bin Abdul Rahman (DW7), yang mengesahkan laporan akhbar D31 dan di ms 3–4 Ikatan B4 dan memberi keterangan daripada siasatannya dan kenyataan yang direkodkan menunjukkan bahawa polis telah melepaskan tembakan ke atas Sum Wing Chang dan seorang lagi selepas polis telah ditembak terlebih dahulu.

[77] Oleh itu, kematian Sum Wing Chang (dalam keadaan terang berhubung kait dengan elemen jenayah), polisi awam perlu dipertimbangkan ke atas polisi-polisi atas sebab:

(a) lima daripada enam polisi tersebut (iaitu polisi pertama, kedua, keempat, kelima dan keenam) mempunyai 'premium waiver rider' yang berhubung kait dengan nyawa Sum Wing Chang; dan

(b) polisi ketiga yang dibeli oleh Sum Wing Chang, insurans itu adalah atas perlindungan untuk nyawanya sendiri.

PENDAPAT MAHKAMAH

Isu-isu yang perlu dibicarakan

[78] Saya berpendapat bahawa sama ada tuntutan plaintif-plaintif terhadap faedah di bawah polisi-polisi insurans akan berjaya atau sama ada defendan boleh menolak pembayaran faedah di bawah polisi-polisi insurans bergantung kepada dua prinsip undang-undang seperti mana yang dihujahkan seperti berikut:

(a) pendedahan fakta material (*non-disclosure*) di bawah s 150(1) of the Insurance Act 1996; dan

(b) pemberian faedah di bawah polisi-polisi insurans adalah bertentangan dengan polisi awam (*public policy*).

Polisi-polisi insurans

[79] Sum Wing Chang (si mati) telah membeli enam polisi perlindungan insurans nyawa daripada defendan. Polisi-polisi insurans tersebut adalah seperti berikut:

(a) polisi pertama (dari ms 17 dan seterusnya Ikatan Dokumen B1) dibeli oleh mendiang suami plaintif pertama Sum Wing Chang, dan diinsuranskan atas nyawa anak lelaki mereka Sum Yew Fei, dalam jumlah amaun RM50,000;

(b) polisi kedua (dari ms 105 dan seterusnya Ikatan Dokumen B1) dibeli oleh mendiang suami plaintif pertama Sum Wing Chang, dan diinsuranskan atas nyawa anak perempuan mereka Sum Jhee Yan, dalam jumlah amaun RM100,000;

(c) polisi ketiga (dari ms 177 dan seterusnya Ikatan Dokumen B1) dibeli oleh mendiang suami plaintif pertama Sum Wing Chang, dan diinsuranskan atas dirinya sendiri dalam jumlah amaun RM300,000;

(d) polisi keempat (dari ms 250 dan seterusnya Ikatan Dokumen B1) dibeli plaintif pertama sendiri atas namanya sendiri dalam jumlah amaun RM200,000;

(e) polisi kelima (dari ms 331 dan seterusnya Ikatan Dokumen B1) dibeli oleh mendiang suami plaintif pertama Sum Wing Chang, dan diinsuranskan atas nyawa anak lelaki mereka Sum Yew Fei, dalam jumlah amaun RM100,000; dan

(f) polisi keenam (dari ms 403 dan seterusnya Ikatan Dokumen B1) dibeli oleh mendiang suami plaintif pertama Sum Wing Chang, dan diinsuranskan atas nyawa anak perempuan mereka Sum Jhee Yan, dalam jumlah amaun RM50,000.

[80] Sum Wing Chang telah mati ditembak polis pada 27 Disember 2002. Plaintif-plaintif telah mengemukakan tuntutan dengan menuntut bayaran-bayaran yang dijanjikan dalam polisi-polisi tersebut.

Tanggungjawab pihak-pihak di bawah undang-undang

[81] Peruntukan undang-undang adalah amat jelas di mana s 38 Akta Kontrak 1950, mengenakan tanggungjawab kepada pihak-pihak dalam kontrak untuk melaksanakan terma-terma dan syarat-syarat yang telah dipersetujui dalam kontrak berkenaan (lihat kes *Polygram Records Sdn Bhd v The Search & Anor* [1994] 3 MLJ 127 dan *PGC Golf Management Sdn Bhd v Sarawak Stadium Corporation* [2006] 7 MLJ 104; [2006] 7 CLJ 195).

[82] Dalam kes *New India Assurance Co Ltd v Yeo Beng Chow* [1972] 1 MLJ 231 Viscount Dilhorne mengatakan '... if conditions inserted by insuransce companies are accepted by the insured, they are binding upon him'.

[83] Raja Azlan Shah FJ (YAM Tuanku pada masa itu) mengatakan 'in interpreting and construing the terms of the said policy in order to determine the intention of the parties, the court must always look to the whole policy. The present insuransce policy is a contract of insuransce. It is subjected to the same 'general rules of interpretation as any other written document'. The words used must 'prima facie to be construed' in their plain, ordinary, popular meaning,

rather than their strictly precise, etymological, philosophical, or scientific meaning '... Only if there is a clause in the policy which is open to two constructions, the court will construe it contra proferentum' — *Malaysia National Insurance Sdn Bhd v Abdul Aziz bin Mohamed Daud* [1979] 2 MLJ 29 at p 31; [1978] 1 LNS 117.

[84] Dalam kes *Amanah Raya Bhd (Suing as Administrator of the Estate of Devia Nathan s/o Savarimuthu, deceased) v Jerneh Insurance Sdn Bhd (formerly known as Jerneh Insurance Corp Sdn Bhd* [2005] 4 MLJ 1; [2005] 2 CLJ 393, Mahkamah Rayuan merujuk kepada Fisher J in *Jason v Batten 1930 Ltd; Jason v British Traders' Insurance Company Ltd* [1969] 1 QB 281 yang mengatakan di ms 290 seperti berikut:

> A policy of insuransce is subject to the same rules of construction as any other written contract. The words used in it must be given their plain, ordinary meaning in the context of the policy looked at as a whole, subject to any special definitions contained in the policy. In the case of ambiguity the contra proferentum rule will apply but apart from this there is no rule of law which requires me to strain any language of the policy in favour of or against the insured person.

Pendedahan rekod jenayah Sum Wing Chang (non-disclosure)

[85] Berkenaan dengan tanggungjawab mendedahkan maklumat, prinsip undang-undang adalah seperti dinyatakan dalam Poh Chu Chai, *Principles of Insurance Law*, (6th Ed), ms 114, 'Thus, any facts which would increase the risk should be disclosed by the insured and any facts known to the insurer but not to the insured, which would reduce the risk, should be disclosed by the insurer' dan R Hardy Ivamy, *General Principles of Insurance Law*, (6th Ed), ms 174, 'A failure on the part of the assured to disclose a material fact within his actual or imputed knowledge renders the policy voidable at the option of the insurers'.

[86] Kes *Tan Jing Jeong v Allianz Life Assurance Malaysia* [2012] 7 MLJ 179; [2011] 4 CLJ 710 pula mengatakan 'the insured must reveal the exact nature and potential of the risks that he transfers to the insurer, while at the same time the insurer must make sure that the potential contract fits the needs of, and benefits, the assured (para 20)'.

[87] Dalam kes ini, pliding plaintif-plaintif dan keterangan PW1 dalam mahkamah, hanya memplidkan bahawa Sum Wing Chang telah memaklumkan DW3 mengenai rekod jenayah lampaunya.

[88] Plaintif-plaintif tidak memplidkan secara alternatif atau sebaliknya bahawa Sum Wing Chang tidak ditanya tentang rekod jenayah lampau dan

sabitan dan/atau bahawa 'proposal forms' defendan tidak mempunyai soalan-soalan tentang sebarang jenayah lampau dan sabitan.

[89] Sebaliknya, peguam plaintif-plaintif semasa menyoal balas saksi defendan terutama Javial Thomas (DW2) and Lee Sen Tuck (DW3) telah mengambil pendekatan bahawa Sum Wing Chang telah tidak ditanya tentang rekod jenayah lampau dan sabitan dan bahawa 'proposal forms' dan defendan tidak mempunyai soalan-soalan berhubung rekod jenayah dan sabitan lampau. Oleh itu, pendirian plaintif-plaintif adalah bercanggah.

[90] Berdasarkan keterangan-keterangan yang dikemukakan dalam mahkamah, pada pendapat saya, atas imbangan kebarangkalian (*on the balance of probabilities*) Sum Wing Chang tidak pada bila-bila masa memaklumkan rekod jenayah lampaunya kepada DW3, ejen defendan.

Sama ada kegagalan mendedahkan rekod jenayah lampau bertentangan dengan s 150(1) Akta Insurans 1996

[91] Dalam keadaan fakta kes ini, saya berpendapat bahawa kegagalan Sum Wing Chang untuk mendedahkan rekod jenayah lampau tersebut tidak bertentangan dengan s 150(1) Akta Insurans 1996.

[92] Pada pendapat saya s 150(1) Akta Insurans 1996 hanya menghendaki pendedahan sesuatu perkara yang di ketahui relevan kepada pihak insurans, supaya pihak insurans boleh membuat keputusan sama ada ingin mengambil risiko atau tidak berdasarkan perkara yang didedahkan.

[93] Saya juga berpendapat sama ada sesuatu perkara yang perlu didedahkan itu relevan, hanya boleh dilihat kepada soalan-soalan yang ditanya oleh ejen insurans kepada pencadang. Secara logiknya, pencadang tidak akan tahu apakah perkara-perkara relevan yang hendak didedahkan. Malah adalah satu perkara yang mustahil dan/atau subjektif untuk orang awam mengetahui apakah yang perlu didedahkan.

[94] Dalam kes ini, peguam defendan juga dalam hujahannya mengakui bahawa suatu rekod jenayah (terutama rompakan bersenjata) dan tempoh pemenjaraan dengan sebatan rotan bukanlah perkara-perkara bekas banduan akan secara sukarela mendedahkan atau berkongsi bersama orang lain (terutama dengan seseorang yang dia tidak begitu kenal) sesuatu yang hendak dibangggakan. Oleh itu, saya berpendapat, walaupun Sum Wing Chang mempunyai rekod jenayah lampau, ini bukan bermakna dia tahu bahawa fakta berkenaan rekod jenayah itu relevan kepada pihak insurans jika dia tidak ditanya oleh pihak insurans dalam soalan-soalan dalam borang cadangan.

[95] Saya bersetuju dengan peguam plaintif-plaintif bahawa dalam borang cadangan 'proposal form' polisi-polisi tersebut, tiada sebarang ruang atau soalan yang memerlukan Sum Wing Chang membuat pendedahan mengenai rekod jenayah lampaunya. Keterangan ini disahkan sendiri oleh saksi defendan DW1, DW2 dan DW3 semasa pemeriksaan balas.

[96] Seksyen 150(3) Akta Insurans 1996 pula mengatakan:

> (3) Where a proposer fails to answer or gives an incomplete or irrelevant answer to a question contained in the proposal form or asked by the lisenced insurer and the matter was not pursued further by the lisence insurer, compliance with the duty of disclosure in respect of the matter shall be deemed to have been waived by the licenced insurer.

[97] Pada pendapat saya perkataan-perkataan 'fails to answer or gives an incomplete or irrelevant answer to a question contained in the proposal form or asked by the lisenced insurer' bermaksud pencadang dikehendaki menjawab apa-apa soalan yang ditanyakan atau melengkapkan jawapan dalam ruangan yang disediakan atau memberikan jawapan yang relevan dalam borang cadangan (*proposal form*) atau setelah ditanya oleh pihak insurans dalam borang cadangan.

[98] Dalam kes ini, saksi defendan DW1, DW2 dan DW3 dalam keterangan mereka, mengakui bahawa tidak ada soalan-soalan berhubung pendedahan rekod jenayah Sum Wing Chang dalam borang cadangan. Tidak ada keterangan juga bahawa DW3 ada bertanyakan soalan berkenaan rekod jenayah lampau Sum Wing Chang.

[99] Tanggungjawab di bawah s 150(1) Akta Insurans 1996 adalah mengenai pendedahan perkara-perkara yang penting (material). Dalam kes ini, berdasarkan keterangan-keteranganmenunjukkan bahawa rekod jenayah Sum Wing Chang, adalah tidak penting (material) kepada pihak insurans atau DW3, ejen defendan pada masa cadangan pembelian polisi-polisi dikemukakan.

[100] Keterangan DW2 (Javial Thomas) mengatakan bahawa maklumat berkenaan rekod jenayah lampau dan hukuman semestinya akan memberi kesan kepada keputusan pihak insurans sama ada untuk menerima atau menolak perlindungan insurans. Dalam konteks kes ini, keterangan DW2 adalah pada pendapatnya sahaja dan keterangannya tidak mempunyai nilai kerana DW2 pada masa material tidak berkhidmat dengan defendan dan tidak mempunyai pengetahuan peribadi berkenaan keenam-enam polisi ini.

[101] Pada pendapat saya, jika saya menerima pendapat DW2 bahawa maklumat sedemikian itu sesuatu yang penting untuk membuat keputusan sebelum menerima atau menolak perlindungan insurans, secara logiknya maklumat tersebut hendaklah menjadi keutamaan dalam borang cadangan. Jika ianya begitu penting untuk membuat keputusan, setiap borang cadangan hendaklah mempunyai soalan-soalan yang terus dan telus supaya membolehkan pencadang memberikan jawapan.

[102] Sekiranya soalan-soalan yang ditanya tidak didedahkan oleh pencadang seperti mana dikehendaki mengikut s 150(3) Akta Insurans 1996, maka pencadang boleh dikatakan telah melanggar prinsip uberimae fidei atau s 150(1) Akta Insurans 1996. Pada masa yang sama jika ada soalan sedemikian ditanyakan dan jika pencadang memikirkan peluang untuk mendapatkan perlindungan insurans (atas alasan dia mempunyai rekod jenayah) itu amat tipis, maka dia boleh mengabaikan hasrat untuk mendapatkan perlindungan tersebut dari defendan.

[103] Dalam kes ini, peguam defendan juga berhujah bahawa dengan adanya 'basis clause' *DECLARATION AND AUTHORISATION* (dibahagian kanan ms 102 Ikatan Dokumen B1), isu sama ada rekod jenayah lampau itu 'material' tidak lagi menjadi isu dan tidak relevan. Walau apa pun, pada pendapat saya, 'basis clause' hanya merujuk kepada jawapan-jawapan yang diberikan kepada soalan-soalan yang ditanya dalam borang cadangan. Dalam borang cadangan, tiada soalan ditanya berhubung rekod jenayah lampau Sum Wing Chang.

[104] Dalam kes ini, pada pendapat saya, Sum Wing Chang tentu tidak tahu dia akan mati ditembak oleh polis semasa membeli polisi-polisi tersebut. Sum Wing Chang juga tentunya tidak mahu mati dalam keadaan seperti mana yang dilaporkan. Adalah tidak adil untuk membayangkan bahawa Sum Wing Chang sudah membuat perancangan untuk mati semata-mata untuk memperdaya pihak insurans supaya membayar perlindungan insurans kepada estetnya dan anggota keluarganya.

[105] Dalam kes *Toh Kim Lian & Anor v Asia Insurance Co Ltd* [1966] 1 MLJ 149, di ms 153 walaupun undang-undang mengatakan 'It is a general principle in insuransce law that an insured is under a duty to disclose material facts and the absence of a proposal form does not modify the insured's duty', tetapi mahkamah masih berpendapat dalam kes ini, 'However, there is no duty to disclose facts which the assured did not know, and which he could not be reasonably expected to know at any material time'. Dalam kes di mana jika soalan-soalan yang disediakan itu mengelirukan menyebabkan jawapan yang diberikan juga tidak betul, mahkamah memutuskan kesilapan jawapan bukan salah responden dan kekeliruan itu hendaklah memihak kepada responden (*The Melanie United Oriental Assurance Sdn Bhd Kuantan v WM*

Mazzarol [1984] 1 MLJ 260).

[106] Oleh itu, pada pendapat saya, fakta berhubung rekod jenayah lampau Sum Wing Chang adalah tidak penting atau 'material' pada pihak insurans dan sebenarnya Sum Wing Chang tidak perlu mendedahkan fakta tersebut kerana tiada soalan berkenaan dengannya dalam borang cadangan dan Sun Wing Chang juga tidak ditanya tentang perkara tersebut.

[107] Saya berpendapat dalam kes ini, plaintif-plaintif tidak melanggar peruntukan s 150(1) Akta Insurans 1996. Saya juga berpendapat, jika ada ketinggalan atau pelanggaran s 150(1) sekalipun, tiada keterangan menunjukkan bahawa defendan telah berusaha untuk mempastikan perkara yang dikehendakki itu dilaksanakan. Seksyen 150(3) Akta Insurans 1996 mengatakan 'and the matter was not pursued further by the lisence insurer, compliance with the duty of disclosure in respect of the matter shall be deemed to have been waived by the licenced insurer'.

[108] Berdasarkan alasan-alasan di atas, hujah defendan bahawa kegagalan Sum Wing Chang mendedahkan fakta penting dalam 'proposal for a contract of insuransce' telah menyebabkan polisi ditolak *ab initio* pada pandangan saya adalah tidak bermerit. Pembelaan defendan adalah suatu fikiran terkemudian 'an afterthought'.

Pemberian faedah di bawah polisi-polisi insurans adalah bertentangan dengan polisi awam (public policy)

[109] Defendan telah menolak tuntutan plaintif-plaintif berdasarkan polisi awam. Polisi awam dalam konteks kes ini ialah Sum Wing Chang telah ditembak mati oleh polis dalam 'shoot out' kerana melawan penangkapan sah pihak polis (*by resisting lawful arrest by a lawful authority*).

[110] Keterangan plaintif pertama (PW1) bahawa Sum Wing Chang telah diculik pada 26 Disember 2002 dan laporan-laporan polis (ekshs 8A dan 8B) dan (soalan dan jawapan No 12–22 penyata saksi WS DW1) dan polis tidak menyiasat laporan polis tersebut pada pandangan saya tidak dapat mematahkan keterangan seperti mana yang dilaporkan pada 27 Disember 2002 bahawa Sum Wing Chang telah mati ditembak oleh polis dalam 'shoot out'.

[111] Tidak ada keterangan lain yang dikemukakan untuk membuktikan bahawa Sum Wing Chang telah ditembak mati secara salah oleh pihak polis pada 27 Disember 2002.

[112] Apabila ditanya dalam soal balas sama ada terdapat tindakan guaman

diambil terhadap pihak polis bagi mencabar tindakan pihak polis dan untuk membuktikan bahawa Sum Wing Chang telah ditembak secara salah oleh pihak polis, jawapan PW1 ialah bahawa beliau telah ditahan polis dan telah diberi amaran untuk berdiam. PW1 juga mengatakan bahawa beliau takut untuk berbuat demikian. Saya telah menimbangkan jawapan PW1 dan pada pandangan saya, keterangan ini tidak mencukupi dan amat sukar untuk diterima kerana hak untuk mendapatkan keadilan di negara ini sentiasa dijamin di bawah Perlembagaan Persekutuan dan tindakan terhadap pihak berkuasa boleh dibuat selagi had masa untuk membawa tindakan tidak luput di bawah undang-undang had masa yang terpakai kepada pihak berkuasa.

[113] Saya mendapati keterangan bahawa Sum Wing Chang ditembak mati oleh polis dalam 'shoot out' kerana melawan penangkapan sah pihak polis adalah amat jelas dan mahkamah tidak boleh menutup mata terhadap terhadap laporan-laporan akhbar dalam tiga eksibit defendan, eksh D29 melalui DW5, Gamal bin Nasir daripada *Utusan Malaysia Online* (ms 5–6 Ikatan Dokumen B4), eksh D30 melalui DW6, Mohd Azlee bin Abdul Aziz daripada *The New Straits Times* (ms 1–2 Ikatan Dokumen B4), dan eksh D31 juga melalui DW6 (ms 3–4 Ikatan Dokumen B4), keterangan yang tidak dipatahkan berkenaan 'press conference' yang diadakan oleh Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Bukit Aman, Datuk Salleh bin Mat Som, yang melaporkan bahawa Sum Wing Chang ditembak mati dalam insiden tembak menembak dengan polis.

[114] Keterangan Sharilfuddin bin Saari (DW4) juga menyatakan bahawa beliau telah menghadiri 'press conference' dan telah melaporkan 'press conference' tersebut dalam artikel bertajuk 'Kumpulan M-16 berkubur aktiviti jenayah berakhir' yang ditulis dan diterbitkan dalam *Mingguan Malaysia* pada 29 Disember 2002 (eksh D28).

[115] Plaintif-plaintif juga mempunyai pengetahuan berkenaan fakta seperti dilaporkan tersebut dengan merujuk kepada laporan *China Press* bertarikh 29 Disember 2002 yang dikemukakan oleh plaintif-plaintif sendiri (ekshs P-18B and P-18C di ms 7–8 Ikatan Dokumen B5) yang melaporkan Sum Wing Chang adalah ahli kumpulan M16 dan telah ditembak oleh polis dalam satu operasi. Laporan-laporan yang diekshibitkan oleh defendan tidak dicabar kebenarannya.

[116] Terdapat keterangan oleh Pegawai Penyiasat, Superintendent Zaba bin Abdul Rahman (DW7) yang telah menjalankan siasatan dan daripada siasatannya dan kenyataan yang direkodkan, siasatan adalah menunjukkan bahawa polis telah melepaskan tembakan ke atas Sum Wing Chang dan seorang lagi selepas berbalas tembak dengan pihak polis. Keterangan DW7 adalah seperti berikut:

DW7 : Berbalas tembak, maknanya? (Nota Keterangan pada 19.3.2014):

Satu pasukan polis suruh berhenti, dia menembak kepada polis. Jadi dalam tembak-menembak tersebut, dua orang ini meninggal.

DW7 : Semasa shooting-out, sebab tadi Tuan kata Sum Wing Chang attack dulu, then polis balas lah, begitu? (Nota Keterangan pada 19.3.2014):

Ya, ditembak itu memang dalam siasatan saya, memang saya tahu berdasarkan statement-statement dalam IP itu, memang berdasarkan statement polis ditembak dulu barulah berbalas tembak.

[117] Di atas imbangan kebarangkalian, defendan telah membuktikan bahawa Sum Wing Chang ketua kumpulan M16 telah ditembak mati oleh polis dalam kejadian berbalas tembak 'shoot out' di Mantin, Negeri Sembilan.

Adakah polisi-polisi telah terbatal

[118] Polisi keempat dan polisi ketiga akan diputuskan secara berasingan dan polisi-polisi pertama, kedua, kelima dan keenam akan diputuskan bersama kerana melibatkan isu-isu yang sama.

Polisi insurans keempat

[119] Polisi ini adalah polisi plaintif pertama dan dibeli oleh beliau atas namanya untuk perlindungan nyawanya sendiri. Di ms 251 Ikatan Dokumen B1, Polisi IL20020310225, 'Life Assured' adalah Hew Soon Tai, plaintif pertama dan pemilik polisi.

[120] Syarat-syarat dalam polisi ini adalah jelas:

(a) syarat 'Conditions Governing Death Benefit' dalam 'Basic Policy' di ms 262 Ikatan Dokumen B1; perenggan 1.1 di mana syarat-syarat 'Death of the Life Assured' *by suicide while sane or insane, by duelling, by resisting lawful arrest by a lawful authority, or by due process of law*;

(b) Sum Wing Chang dalam polisi ini merupakan 'Second life Assured'. Syarat 'Governing Death Benefif' di klausa 1.1 cuma terpakai kepada 'Life Assured';

(c) klausa 4.1 di ms 263 Ikatan Dokumen B1 menjelaskan:

> For the avoidance of doubt, it is hereby declared and agreed that this Policy will cease to be in force and all other Benefits payable under this Policy will not apply or be payable *upon the Death of the Life Assured*, (Penekanan ditambah.)

(d) klausa 2.1 di ms 261 Ikatan Dokumen B1 menjelaskan:

> *Upon the death of the Life Assured*, the Company will pay the Sum to the Policy Owner of his personal representatives or nominees or lawful assigns

SUBJECT TO and in accordance with the Conditions set out in Section C of this Policy Document. (Penekanan ditambah.)

[121] Selain itu, pada pendapat saya, polisi utama hanya boleh dibatalkan dalam keadaan yang diterangkan di bawah klausa 17(1), polisi di ms 260 Ikatan Dokumen B1 mengatakan:

In amplication and not in derogation of any provisions relating to the termination of this Policy as may be set out elsewhere in this Policy document, the Basic Policy shall terminate immediately:

(a) ... ;

(b) *upon the death of the Life Assured*;

(c) ... ;

(d) if the Policy lapses,is surrendered or is otherwise terminated in accordance with the provisions contained in this Policy document.

Whichever may be the earliest. (Penekanan ditambah.)

[122] Berdasarkan kepada penjelasan di atas, saya berpendapat, memandangkan Hew Soon Tai 'Life Assured' masih hidup maka polisi Excel Cash Hew Soon Tai, masih berkuat kuasa dan tidak terbatal. Oleh itu hal pembayaran faedah di bawah polisi ini sebanyak RM200,000 tidak menjadi isu.

Isu 'Waiver of Spouse Premium Rider'

[123] Polisi ini mempunyai klausa mengenai 'waiver rider of spouse premium' dalam (Annexure SR) di ms 311–318 of Ikatan Dokumen B1, klausa 2.1 pada ms 311 menunjukkan bagaimana 'waiver rider of spouse premium' dilaksanakan:

PROVIDED ALWAYS that the Policy and this Annexure are in full force and effect AND SUBJECT ALWAYS to the *conditions governing the Policy and as herein contained ... the Company will waive the payment of all premiums payable under the Basic policy* for the remaining term of this Annexure commencing with the first premium due next following:

(a) the death of *the Second Life Assured* ... (Penekanan ditambah.)

[124] Maksud 'Second Life Assured' dinyatakan di klausa 1.3 Annexure SR (ms 311) membawa maksud 'the Spouse of the Life Assured and who has been named as such in the Policy Schedule'.

[125] Merujuk kepada 'Policy Schedule' polisi ini di ms 252 Ikatan Dokumen B1, 'Second Life Assured' adalah Sum Wing Chang, mendiang suami plaintif

pertama (*Life Assured*).

[126] Syarat 'Governing Death Benefit' di klausa H, Bahagian C di ms 262, cuma mengatakan 'Death of the Life Assured' dan tidak mengatakan 'Death of the Second life Assured'. Defendan berhujah bahawa syarat dalam polisi utama (basic policy) terpakai bersesama di mana 'Second Life Assured' adalah 'Life Assured'. Oleh itu kematian Sum Wing Chang sebagai Second Life Assured dalam keadaan di bawah klausa 1.1 tersebut bermakna polisi atas nama plaintif pertama (Life Assured) secara otomatik batal dan tidak berkuat kuasa.

Klausa 3.1 Annexure SR diakhir ms 311:

> All the Conditions Governing Death Benefit and Total and Permanent Disability Benefit as contained in the Basic Policy shall apply, mutatis mutandis, to this Annexure *as if the Second Life Assured had been referred to therein instead of the Life Assured*.

[127] Pada pendapat saya, klausa 3.1 Annexure SR diadakan supaya terpakai kepada *Second Life Assured*, untuk mengelakkan pengulangan syarat-syarat yang sama berhubung pemberian faedah jika berlaku kematian/kecacatan kekal tubuh badan atau kependuaan polisi (*repetition*). Perkataan yang digunakan ialah 'All Conditions Governing Death Benefit ...'. Dalam hal ini, klausa 2.1 Annexure SR hendaklah diberikan interpretasinya. Di bawah klausa 2.1 Annexure SR, pembayaran premium dikecualikan atas kematian 'Second Life Assured' (Sum Wing Chang) dan bukan kematian 'Life Assured' (Hew Soon Tai) dan dalam konteks Death Benefit, pada pendapat saya, klausa 2.1 Annexure SR hendaklah diberikan kesan iaitu atas kematian 'Second Life Assured' sahaja.

[128] Oleh kerana kematian Sum Wing Chang sebagai 'the Spouse of the Life Assured and who has been named as such in the Policy Schedule' telah dibuktikan sebagai mati ditembak oleh pihak polis dalam 'shoot out' kerana melawan dari penangkapan sah pihak polis (by resisting lawful arrest by a lawful authority, or by due process of law) di bawah klausa 1.1, Bahagian C di ms 262 dan kematian bertentangan dengan polisi awam, maka faedah 'waiver rider of spouse premium' tidak terpakai kepada 'Life Assured', Hew Soon Tai. Faedah kematian 'Death Benefit' berupa pengecualian bayaran premium tidak boleh diberikan kepada Hew Soon Tai kerana akan bertentangan dengan polisi awam.

[129] Saya juga mendapati bahawa klausa 17(1), polisi di ms 260 Ikatan Dokumen B1 juga mengatakan '... in this Policy document, the Basic Policy shall terminate immediately (d) ... or is otherwise terminated in accordance with the provisions contained in this Policy document'.

[130] Oleh itu, saya berpendapat bahawa polisi keempat (Hew Soon Tai, plaintif pertama (pemilik polisi) masih berkuat kuasa dan tidak terbatal, walaupun plaintif pertama tidak berhak kepada 'waiver rider of spouse premium' sepatutnya plaintif pertama pada pendapat saya diberikan peluang untuk meneruskan pembayaran premium kepada polisi utama (basic policy) tersebut. Oleh itu, keterangan DW1 yang menyatakan bahawa polisi insurans Hew Soon Tai telah terbatal kerana tidak menyambung bayar premium bagi polisi-polisi tersebut adalah suatu tindakan yang tidak adil dan munasabah. Malah, adalah keterangan DW1 bahawa defendan telah menolak kesemua tuntutan bagi polisi-polisi tersebut atas dasar polisi awam sahaja pada masa material dan bukan atas sebab polisi-polisi tersebut telah luput.

Polisi-polisi pertama, kedua, kelima dan keenam

[131] Pemilik (*owner*) dan pembayar (*payor*) bagi keempat-empat polisi ini ialah Sum Wing Chang sendiri. Polisi-polisi ini melindungi nyawa kedua-dua anaknya.

[132] Memandangkan kedua-dua kanak-kanak masih hidup, wang perlindungan di bawah polisi-polisi tidak boleh dibayar kerana bayaran hanya boleh dibuat setelah mereka mati.

[133] Saya bersetuju dengan hujah peguam defendan bahawa keempat-empat polisi ini adalah sama iaitu 'Supplementary Living Care WP Payor Premium Riders (Annexure LF)' atau dipanggil 'Payor Premium Waiver Benefit', contohnya di ms 147–157, perenggan 1A di ms 147 dan menunjukkan bagaimana 'Waiver of Premium Benefits' dimaksudkan:

> 1A Death Benefit
>
> Should the *Payor* prior to the expiry of the Supplementary Insurance die, the Company shall provide the following benefits:
>
> (i) *The premiums payable under the basic Policy and this Supplementary Insurance shall be waived until the expiry date of this Supplementary Insurance.* The first premium to be so waived shall be the one falling due *immediately after the date of death of the Payor.* (Penekanan ditambah.)

[134] Maksud 'Payor' di perenggan Annexure (ms 147) ialah 'Policy Owner as stated on the Policy Schedule of the Policy'.

[135] Merujuk kepada 'Policy Schedule' di ms 107 Ikatan B1, saya dapati 'Policy Owner' adalah Sum Wing Chang yang juga disebutkan sebagai 'Second Life Assured'.

[136] Saya bersetuju dengan hujah peguam defendan bahawa dalam polisi ini, Sum Wing Chang sebagai pemilik polisi, hanya boleh membuat tuntutan bagi jumlah yang dilindungi jika mana-mana anaknya yang mana nyawa mereka diinsuranskan mati atau oleh estetnya (bagi 'Payor Premium Waiver Benefit Under the Annexure'). Malah, tuntutan bagi 'Payor Premium Waiver Benefit' di bawah keempat-empat polisi dalam tindakan guaman ini dituntut dengan betul oleh plaintif-plaintif sebagai waris (beneficiaries) kepada estet Sum Wing Chang.

[137] Di perenggan 1A(ii) Annexure ms 147 juga mengatakan:

> Death of the Payor by suicide, sane or insane or by hands of justice within twelve (12) months from date of the issuance or any reinstatement of this Supplementary Insurance, whichever is later, shall render this Supplementary Insurance null and void.

[138] Saya bersetuju dengan hujah peguam defendan bahawa kematian kerana melawan penangkapan sah oleh polis (by resisting lawful arrest by a lawful authority) dalam kejadian berbalas tembak 'shoot-out' boleh juga ditakrifkan sebagai kematian dalam proses undang-undang 'by hands of justice'. Fakta sebenar ialah bahawa Sum Wing Chang telah mati atas tindakannya sendiri yang bertentangan dengan polisi awam oleh itu, apa-apa pemberian faedah di bawah polisi kepadanya atau pentadbir harta/estetnya adalah bertentangan dengan polisi awam.

[139] Hujah peguam disokong dengan kes ternama dari House of Lords dalam kes *Beresford v Royal Insurance Co Ltd* [1938] AC 586 (Tab 16 Ikatan autoriti defendan). Dalam kes ini, Major Rowlandson megambil polisi-polisi insurans untuk dirinya sendiri, setiap polisi mengandungi syarat bahawa polisi-polisi akan menjadi batal jika penerima insurans (*life assured*) membunuh diri dalam tempoh masa setahun dari tarikh kuat kuasa polisi-polisi tersebut. Sembilan tahun kemudian, Major Rowlandson membunuh diri dan estetnya (*estate*) menyaman pihak insurans.

[140] Plaintif dalam kes *Beresford* menghujahkan bahawa pihak-pihak kepada polisi-polisi insurans telah bersetuju bahawa membunuh diri dihalang dalam jangka masa pertama 12 bulan. Oleh kerana Major Rowlandson membunuh diri selepas 12 bulan, pihak insurans tidak boleh menguna pakai kaedah polisi awam.

[141] Walaupun House of Lords bersetuju bahawa melalui pembacaan kontrak polisi, pihak insurans telah bersetuju bahawa syarat membunuh diri selepas 12 bulan tidak diambil kira, House of Lords, walau bagaimanapun secara sepakat menolak kontrak polisi atas dasar polisi awam. Di ms 605 kes, Lord Macmillan mengatakan:

I feel the force of the view that *to increase the estate which a criminal leaves behind him is to benefit him. To enforce payment in favour of the assured's representative would be to give him a benefit*, albeit in a sense a post-mortem benefit, the benefit, namely, *of having by his last and criminal act provided for his relatives or creditors*. And *no criminal can be allowed to benefit in any way by his crime*. (Penekanan ditambah.)

[142] Adalah diperhatikan bahawa kes *Beresford* telah dibincangkan secara terperinci dalam Poh Chu Chai, *Principles of Insurance Law*, (6th Ed), ms 782–784 (Tab 17 Ikatan autoriti defendan), penulis merumuskan:

The legal implication to be drawn from Beresford v Royal Insurance Co Ltd is that *even though an insurer may have contractually agreed to make payment* under the policy to a policy holder if he commits suicide, *the courts will not enforce such an agreement if an issue based on public policy is raised by the insurer*. (Penekanan ditambah.)

[143] Walaupun kes *Beresford* adalah berhubung kes membunuh diri yang merupakan satu perbuatan jenayah di England, dalam kes Sum Wing Chang, pada pendapat saya, tidak ada perbezaan kerana kematian kerana ditembak mati oleh polis juga berhubung kait dengan elemen jenayah yang bertentangan dengan polisi awam dan polisi-polisi adalah terbatal.

[144] Sebagai 'Payor' kepada keempat-empat polisi ini, Sum Wing Chang telah membayar premium polisi, jika kematiannya adalah dalam keadaan biasa, contohnya, faedah 'Waiver of Payor Premium Benefits' akan berkuat kuasa dan pembayaran premium akan dikecualikan. Dalam kes ini, memandangkan 'Waiver of Payor Premium Benefits' tidak lagi terpakai kepada polisi-polisi ini maka faedah ini tidak boleh diberikan kepada Sum Wing Chang sebagai pemilik polisi atau estetnya (Poh Chu Chai, *Principles of Insurance Law*, (6th Ed), pp 782–784.)

[145] Hujah plaintif-plaintif bahawa perbuatan Sum Wing Chang tidak ada hubung kait dengan plaintif-plaintif, oleh itu mereka tidak boleh dinafikan hak ke atas polisi-polisi tersebut dan polisi yang terbatal jika adapun ialah insurans sampingan (*supplementary insurans*). Dalam hal ini, saya bersetuju dengan jawapan peguam defendan bahawa dalam kes plaintif-plaintif, tuntutan yang dikemukakan oleh plaintif-plaintif adalah sebagai penerima faedah kepada estet Sum Wing Chang:

S Santhana Dass, *Law of Life Insurance in Malaysia*, ms 63–64 (Tab 18 *of the defendant's bundle of authorities*):

In cases where an insured or his personal representative are the only parties interested in the insuransce policy, *the rule of public policy is applied by the courts with extreme vigour to prevent the insured or his personal representatives from benefiting from the insured's own wrongdoing*.

A *Where the insured is disbarred from recovering by reason that the loss is caused by his own wrongdoing, all who claim through him as representing his estate or claiming a share of his estate as beneficiary under his will or on intestacy or as a creditor, are equally barred.* (Penekanan ditambah.)

B **[146]** Hujah peguam defendan adalah betul kerana dalam pliding plaintif-plaintif mereka menyatakan bahawa mereka adalah penerima wasiat kepada estet Sum Wing Chang, wasiat Sum Wing Chang (eksh P6B) pada ms 10 Ikatan Dokumen B1 secara nyata memperuntukkan nama plaintif-plaintif sebagai penerima wasiat. Surat kuasa mentadbir harta (*grant of*
C *probate*) di eksh 6A di ms 9 Ikatan Dokumen B1 secara nyata menamakan plaintif pertama sebagai pentadbir harta/estet Sum Wing Chang. Dalam kes ini plaintif-plaintif bukan menuntut sebagai pemegang serah hak (*assignees*) atau pembeli bona fide polisi untuk suatu nilai (*or bona fide purchasers of the policies for value*).

D

Polisi insurans ketiga

[147] Polisi ini dibeli oleh Sum Wing Chang untuk melindungi dirinya.

E

[148] Tidak seperti lima polisi yang lain, polisi ketiga ini tidak mempunyai 'Premium Waiver Rider' dan tuntutan dalam polisi ini hanyalah terhadap jumlah wang dijamin di bawah polisi sebanyak RM300,000 di atas nyawa Sum Wing Chang.

F

[149] Saya bersetuju dengan hujah peguam defendan bahawa memandangkan plaintif pertama adalah isteri kepada Sum Wing Chang, penamaan plaintif pertama telah mewujudkan satu amanah yang memihak kepada plaintif pertama.

G

[150] Seksyen 166(1) Akta Insurans 1996 (Tab 19 Ikatan autoriti defendan):

> A nomination by a policy owner, other than a Muslim policy owner, shall create a trust in favour of the nominee of *the policy moneys payable upon the death of the policy owner, if*:
>
> (a) *the nominee is his spouse* or child ... (Penekanan ditambah.)

H

[151] Persoalan yang timbul ialah polisi awam hanya menghalang seorang pelaku jenayah dan estetnya dari menerima faedah hasil perbuatan jenayah
I pelaku jenayah, dan plaintif pertama cuma membuat tuntutan RM300,000 sebagai waris (*beneficiary*) di bawah amanah.

[152] Dalam hal ini, saya bersetuju dengan hujahan peguam defendan bahawa di bawah amanah yang diwujudkan, dalam kes ini, tuntutan plaintif

akan gagal atas alasan s 166(1) Akta Insurans 1996 secara nyata memperuntukkan bahawa amanah yang diwujudkan dengan menamakan isteri sebagai pemegang amanah, bayaran wang polisi adalah berbayar selepas kematian pemilik polisi (*payable upon the death of the policy owner*). Jika tiada wang boleh dibayar ke atas kematian pemilik polisi (Sum Wing Chang), maka tiada wang boleh dibayar kepada orang yang dinamakan (*nominee*).

[153] Saya bersetuju bahawa pertimbangan polisi awam telah menggagalkan tuntutan di bawah polisi-polisi ini.

[154] Dalam konteks kontrak insurans dan bagaimana polisi awam boleh menggagalkan sesuatu tuntutan di bawah kontrak insurans adalah seperti berikut:

MacGillivray *on Insurance Law*, (11th Ed), ms 356 (Tab 14 Ikatan autoriti defendan):

> The courts will not permit a person to enforce his rights under a contract of any kind if it is tainted by illegality. This principle of public policy is expressed in the familiar Latin maxim ex turpi causa non oritur actio (an action does not arise from a base cause). Although this maxim is lacking in precise legal definition, it is reflected in two rules affecting the enforceability of rights under contracts of insuransce. First, a claim is unenforceable when the grant of relief to the plaintiff would enable him to benefit from his criminal conduct. Secondly, a claim is unenforceable when the plaintiff either has to found his claim on an illegal contract or to plead its illegality in order to support his claim. Once a court has determined that one or other rule applies to the facts of a given case, it has no discretion whether to apply the rule depending upon the degree to which the plaintiff has affronted the public conscience.

Poh Chu Chai, *Principles of Insurance Law*, (6th Ed), ms 775 (Tab 15 Ikatan autoriti defendan):

> The rationale behind the rule of public policy is that the law is reluctant to render its assistance to a person who commits a criminal offence to obtain a benefit or to enforce a right arising from his unlawful conduct.

[155] Sebagai tambahan, walaupun plaintif pertama menuntut sebagai waris kepada amanah, di bawah polisi ketiga ini, plaintif pertama adalah isteri kepada Sum Wing Chang dan adalah waris (*beneficiary*) kepada harta/estet Sum Wing Chang. Oleh itu saya berpendapat, prinsip dalam kes *Beresford* berhubung polisi awam terpakai dan jika apa-apa bayaran dibuat untuk memberi faedah kepada estet pelaku jenayah hasil daripada perlakuan jenayah itu maka, pembayaran tersebut adalah bertentangan dengan polisi awam.

ISU-ISU LAIN

Tanggungjawab memberi notis pembayaran premium

[156] Dalam kes polisi pertama, kedua, kelima dan keenam, tiada premium yang diterima oleh defendan apabila tiba masa dan polisi-polisi menjadi luput. Plaintif-plaintif menghujahkan bahawa defendan sepatutnya memberitahu mereka bahawa terma-terma 'riders' tidak berkuat kuasa dan premium hendaklah diteruskan pembayarannya supaya polisi itu akan terus dikuatkuasakan.

[157] Peguam defendan berhujah bahawa hujahan plaintif-plaintif tidak akan berjaya kerana tidak ada tangggungjawab sama ada di bawah undang-undang atau kontrak bagi syarikat insurans untuk memberitahu pemilik polisi atau 'life assured' bahawa pembayaran premium sampai masa untuk dibayar (*there is no obligation whether in law or in contract for an insuransce company to notify a policy owner or a life assured that premiums are due*). Malah peguam plaintif-plaintif tidak menunjukkan apa-apa peruntukan undang-undang atau mana-mana peruntukan dalam polisi yang mengenakan tanggungjawab kepada defendan untuk menghantar notis berhubung perkara itu.

[158] Kecuali polisi keempat di mana saya telah putuskan bahawa tindakan defendan membatalkan polisi ini sebagai tidak adil dan munasabah, saya bersetuju dengan hujah peguam defendan bahawa tidak ada juga tanggungjawab di bawah undang-undang atau kontrak yang mewajibkan defendan untuk memberitahu plaintif-plaintif bagi polisi pertama, kedua, kelima dan keenam, bahawa 'rider' tersebut sudah tidak lagi berkuat kuasa.

[159] Saya juga bersetuju dengan hujah peguam defendan bahawa sungguhpun plaintif-plaintif menghujahkan bahawa defendan sepatutnya memberi notis kepada plaintif-plaintif, namun plaintif-plaintif telah tidak menunjukkan sebarang autoriti atau keterangan bagi menyokong dakwaan tersebut. Terma-terma dalam polisi-polisi insurans tidak memperuntukkan tanggungjawab tersebut ke atas defendan.

KEPUTUSAN MAHKAMAH

[160] Setelah meneliti keterangan-keterangan lisan saksi-saksi plaintif-plaintif dan defendan serta keterangan dari dokumen-dokumen yang dikemukakan dan setelah membaca hujahan bertulis peguam plaintif-plaintif dan peguam defendan serta hujahan balas yang difailkan dan setelah mendengar hujahan lisan pihak-pihak, keputusan saya dalam kes ini adalah seperti berikut:

(a) tidak ada pendedahan rekod jenayah lampau (*non-disclosure of criminal*

record) telah didedahkan oleh Sum Wing Chang mengikut s 150(1) Akta Insurans 1996;

(b) walaupun rekod jenayah lampau tidak didedahkan, rekod jenayah lampau tersebut adalah suatu perkara yang tidak material dan tidak bertentangan dengan s 150(1) Akta Insurans 1996;

(c) tidak ada soalan-soalan bertanyakan atau untuk didedahkan berhubung rekod jenayah lampau Sum Wing Chang dalam borang cadangan (*proposal forms*). Sum Wing Chang sepatutnya dikehendakki menjawab apa-apa soalan yang ditanyakan atau melengkapkan jawapan dalam ruangan yang disediakan atau memberikan jawapan yang relevan dalam borang cadangan mengikut s 150 (3) Akta Insurans 1996;

(d) jika maklumat berkenaan rekod jenayah lampau itu begitu penting atau material bagi pihak insurans untuk membuat keputusan sama ada memberi atau menolak cadangan polisi, pihak insurans hendaklah memberi keutamaan dengan menyediakan soalan berhubung pendedahan maklumat tersebut;

(e) tiada kewajipan untuk mendedahkan maklumat yang mana pembeli hayat insurans (*assured*) tidak tahu apa maklumat yang perlu diberitahu pada bila-bila masa;

(f) Sum Wing Chang telah ditembak mati oleh polis dalam kejadian tembak menembak (*shoot out*) apabila melawan penangkapan sah oleh polis;

(g) kematian Sum Wing Chang adalah bertentangan dengan peruntukan dalam polisi insurans; dan

(h) polisi awam terpakai kerana undang-undang tidak membenarkan mana-mana orang yang melakukan jenayah untuk mendapatkan apa-apa faedah atau menuntut hak yang terbit dari tindakan jenayah.

[161] Berdasarkan perkara-perkara di atas, tuntutan plaintif-plaintif dibenarkan bagi tuntutan berikut sahaja:

(a) satu perisytiharan bahawa polisi keempat IL20020310225, 'Life Assured' Hew Soon Tai, plaintif pertama masih berkuat kuasa;

(b) plaintif pertama berhak menyambung pembayaran bagi premium untuk polisi ini; dan

(c) Kos. Pihak-pihak bersetuju untuk menanggung kos masing-masing.

A *Sebahagian tuntutan plaintif-plaintif dibenarkan.*

Dilaporkan oleh Kanesh Sundrum

B

C

D

E

F

G

H

I